


Headline	Nota. soalan latih tubi Tutor terbukti berkesan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	ASSIM HASSAN	AdValue	RM 5,785
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,356



Nota, soalan latih tubi *Tutor* terbukti berkesan

Oleh ASSIM HASSAN

pengarang@utusan.com.my

■ PAPAR 22 JUN

KEBERKESANAN nota dan soalan latih tubi yang terdapat dalam akhbar sisipan *Tutor* *Utusan Malaysia* dilihat mampu membantu para pelajar terutama yang menduduki periksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pengarah Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) negeri, Datin Nurlaila Said berkata, sisipan *Tutor* yang juga berperanan sebagai alat bantu mengajar baharu di bilik darjah turut berupaya melahirkan pelajar minda kelas pertama.

Untuk itu, menurutnya, pelajar dan guru wajar memanfaatkan sebarang tajaan sisipan akhbar itu di sekolah masing-masing.

"Kita harap sumbangan ini dapat membantu pelajar yang menduduki PT3 dan SPM untuk mencapai keputusan cemerlang pada peperiksaan mereka.

"Misi kita hanya mahu melihat pelajar tampil sebagai modal insan berjaya, berpendidikan dan mempunyai minda kelas per-

tama," katanya ketika berucap dalam majlis Penyerahan Akhbar Sisipan *Tutor* *Utusan Malaysia* Tajaan Tabung Haji kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Majakir, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengetua Cemerlang SMK Majakir, Abdul Aziz Mohamed Zain dan Eksekutif Kanan Pemasaran *Utusan Malaysia* Sabah Sarawak, Rahman Bidin.

Tabung Haji memperuntukkan RM100,000 bagi menaja akhbar sisipan *Tutor* di seluruh negara. Bagi negeri Sabah, sebanyak enam buah sekolah kebangsaan (SK) dan SMK menerima manfaat penajaan itu antaranya, SK Bubul, Semporna; SMK Arshad, Kota Belud dan SK Keningau II serta SMK Majakir.

Dalam pada itu, Nurlaila berkata, pihaknya memberi fokus kepada sekolah-sekolah di luar bandar bagi memastikan setiap murid dan pelajar di kawasan tersebut tidak ketinggalan.

"Kita mahu murid dan pelajar

di luar bandar tidak tercicir dalam pembelajaran dan menikmati apa juga teknik pengajaran baharu seperti di bandar," katanya.

Sementara itu, Abdul Aziz merakamkan ucapan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan pihak korporat seperti Tabung Haji dalam memberi penajaan kepada sekolah tersebut.

Malah, beliau turut memuji usaha *Utusan Malaysia* kerana menyediakan alat bantu mengajar baharu yang komprehensif serta menitikberatkan soalan latih tubi dan nota yang mampu membantu proses ulang kaji pelajar.

"Saya juga pasti dengan manfaat ini, prestasi keputusan para pelajar termasuk di SMK Majakir akan melonjak naik sekali gus kualiti pendidikan di daerah ini meningkat," katanya.

Headline	Nota. soalan latih tubi Tutor terbukti berkesan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	ASSIM HASSAN	AdValue	RM 5,785
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,356



NURLAILA SAID (depan tujuh dari kanan) bersama guru dan pelajar menunjukkan isyarat bagus selepas penyerahan tajaan akbar sisipan **Tutor** di SMK Majakir, Papar, Sabah, semalam. – UTUSAN/ KASMIL KASSIM